



## **PENGUKUHAN MSM MELALUI RASIONALISASI, SEGMENT EKSPORT & HILIRAN KE ARAH PEMULIHAN**

**KUALA LUMPUR, 17 JUN, 2020** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) berjaya melalui tahun 2019 yang mencabar dengan pelan pemulihan yang mula membawa hasil berikut kejayaan dalam pelaksanaan beberapa inisiatif daripada strategi-strategi pertumbuhan mampan syarikat. MSM telah mengambil pendekatan positif susulan pengkomersialan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) pada April 2019 di sebalik prestasi TK2019 yang terjejas daripada persaingan harga yang sengit, kadar penggunaan kilang rendah, kelemahan harga purata jualan (ASP) gula, kos kewangan yang tinggi serta penurunan dalam jumlah eksport. MSM Johor menyediakan peluang baru kepada syarikat untuk membangunkan produk-produk baru di samping meluaskan kehadiran dalam pasaran global. Strategi transformasi strategik yang bermula pada pertengahan kedua TK2019, mensasarkan pengukuhan potensi yang maksimum bagi MSM Johor, melibatkan pelan pemelbagaian produk secara agresif kepada gula pracampuran, gula cecair dan gula sirap bagi memenuhi permintaan industri di rantau Asia.

"Cabaran dalam mengoptimumkan pertambahan kapasiti memerlukan kami untuk mengubahsuai strategi. Pengeluaran bagi kesemua kilang penapisan perlu diimbangi secara strategik memandangkan kami perlu mengoptimumkan kadar penggunaan dan menguruskan kos secara efektif. Pemelbagaian produk kepada segmen bukan gula bertapis termasuk produk-produk gula bernilai tambah serta varian gula sihat yang disasarkan akan keluar pada S2 TK2020. Ini dijangka akan memacu hasil dan meningkatkan kapasiti penggunaan di MSM Johor," kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz, dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 yang diadakan secara dalam talian di Wisma FGV pada hari ini.

Beliau turut menambah, "MSM telah mendapatkan eksport produk-produk gula sebanyak 200,000 tan bagi tahun ini. Setakat Mei 2020, MSM telah mengeksport lebih daripada 73,000 tan gula bertapis, gula cecair dan sirap gula, dengan anggaran hasil sebanyak RM157 juta. Kami turut mensasarkan peningkatan jualan dan melonjakkan eksport dengan anggaran sehingga 350,000 tan produk-produk gula bagi TK2020. Ini dijangka akan menyumbang hampir RM600 juta kepada hasil Kumpulan."



Setakat ini, MSM Johor telah mencapai kadar penggunaan tertinggi sebanyak 34%, sejak pengkomersialan pada April 2019. Kadar penggunaan tersebut dijangka akan terus meningkat seiring pertumbuhan dalam permintaan eksport dan domestik, serta pelan rasionalisasi Kumpulan dalam menyatukan kapasiti pengeluaran. Rasionalisasi operasi dari Perlis ke Johor seperti yang diumukan baru-baru ini, akan mengurangkan risiko gangguan bekalan secara signifikan dan mengurangkan kos operasi dan penapisan. Pada masa yang sama, MSM sedang bekerjasama dengan syarikat induknya, FGV Holdings Berhad (FGV), dalam memaksimumkan potensi aset-aset MSM di Chuping, Perlis. Ini turut melibatkan pembangunan kawasan pertumbuhan pertanian baru, Lembah Makanan Agro FGV, yang dijangka akan menyumbang kepada sektor makanan agro negara, disamping memperkasakan lanskap sosio-ekonomi tempatan termasuk perniagaan dan peluang pekerjaan.

Secara berterusan, MSM mendefinisi semula peluang-peluang dalam memitigasi impak daripada lebihan kapasiti dalam industry gula bertapis melalui segmen eksport dan pemelbaaan produk. Fokus utama dan pemelbaaan melibatkan potensi kerjasama dengan pemain industri makanan dan minuman (F&B) bereputasi serta pembangunan produk hiliran seperti sirap berperisa dan susu pekat. MSM turut mesasarkan untuk mengembangkan jejak eksport ke wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA).

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, MSM telah mencatatkan hasil keseluruhan sebanyak RM 2.0 billion, pengurangan sebanyak 9% berbanding RM 2.2 billion pada tahun sebelumnya. MSM turut merekodkan kerugian bersih (LAT) sebanyak RM 299.77 juta, disusuli beberapa kombinasi faktor lain seperti pengkomersialan MSM Johor dan kos penstrukturan semula pinjaman sebanyak RM 26 juta. Selain itu, prestasi kewangan tahunan Kumpulan turut terjejas daripada kemerosotan nilai bagi aset-aset tertentu sebanyak RM 139 juta.

"Pengukuhan dalam ASP dan jumlah keseluruhan jualan telah meningkatkan hasil Kumpulan sebanyak 5% pada S1 2020, berbanding suku yang sama tahun lepas. Penambahbaikan ini adalah sejajar dengan peningkatan harga jualan sejak Oktober 2019 dan pengeksportan produk-produk baru. Selain itu, susulan pelaksanaan mekanisma "Tepat-pada-Masa" pada Januari 2020, kami juga dapat mengurangkan jumlah pembelian gula mentah sebanyak 30% pada S1 2020 berbanding suku yang sama tahun lepas. Kontrak pembelian gula mentah sebelum ini yang tamat pada Disember 2019, telah memberikan peluang kepada kami untuk menguruskan perolehan gula mentah secara strategik bagi memperkasakan aliran tunai Kumpulan dan mengurangkan kos penyimpanan," jelas Khairil.



Melangkah ke hadapan, MSM akan terus mengutamakan serta memberi fokus kepada inisiatif-inisiatif penjimatan kos, di samping memperkasakan keupayaan operasi dalam mencapai keseimbangan dalam tiga aspek – operasi, aliran tunai dan pengeluaran. MSM kekal komited dalam melaksanakan strategi transformasi dan terus mencari peluang untuk mencipta nilai yang terbaik buat para pemegang saham.

**-TAMAT-**

**Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2019, MSM mengeluarkan sebanyak 1,073,888 tan gula bertapis, di mana 83,341 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 61% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 618.6 juta setakat 31 Disember 2019). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mapan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

**Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)